



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 27 SEPTEMBER 2023**

| BIL                                                                                                   | TAJUK KERATAN AKHBAR                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                                  |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.                 | SEGERA LAKSANA REFORMASI INDUSTRI PADI TANGANI KRISIS BEKALAN BERAS, RENCANA, BH -12<br>'WARGA ASING JUGA PERLU TERUS DIIZINKAN BELI BERAS TEMPATAN', LOKAL, HM -6<br>'USAH PANIK, BELILAH PADA KADAR BIASA', LOKAL, HM -6<br>TAMBAHAN 1,100 TAN METRIK BPT DIEDAR DI SELURUH NEGARA, LOKAL, HM -6<br>PASTIKAN TIADA LOMPONG!, LOKAL, HM -7<br>BERAS SERI MENANTI JENGAH PASARAN DISEMBER INI, LOKAL, HM -7<br>SAMPAI LAMBAT PULANG HAMPA, LOKAL, HM -8<br>PERLU ALASAN KUKUH, NEGARA, KOSMO -4<br>DILEMA HAPUS MONOPOLI BERAS, MUKA DEPAN, SH -1<br>HARGA TURUN BILA PECAH MONOPOLI BERAS, NASIONAL, SH -2<br>CADANGAN PECAH MONOPOLI BERAS PERLU DILIHAT SECARA MENYELURUH, NASIONAL, SH -2<br>TUAI PADI LIMA KALI DALAM MASA DUA TAHUN, NASIONAL, SH -3<br>'DISCUSSIONS CRUCIAL TO END MONOPOLY, NEWS, NST -4<br>6.5 TONNES OF RICE SNAPPED UP IN AN HOUR, NEWS, NST -4                                                                                                                                 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)           |
| 15.<br>16.<br>17.<br>18.                                                                              | 400 TAN BERAS PUTIH TEMPATAN DIEDAR FAMA HABIS TERJUAL, NASIONAL, BH -7<br>FAMA TINGKAT PENGEDARAN BERAS, NASIONAL, SH -3<br>FAMA TO GET 110 MORE TONNES OF RICE TO DISTRIBUTE, NEWS, NST -4<br>FAMA EDAR 1,100 METRIK TAN BERAS, NEGARA, KOSMO -16                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)                  |
| 19.                                                                                                   | MAQIS RAMPAS DURIAN CUBA DIBAWA MASUK MASUK TANPA PERMIT IMPORT, NEGARA, KOSMO -16                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br>26.<br>27.<br>28.<br>29.<br>30.<br>31.<br>32.<br>33.<br>34. | BELANJA BULANAN MENINGKAT EKORAN BERAS IMPORT MAHAL, LOKAL, HM -8<br>'SEKADAR SOLUSI JANGKA PENDEK', LOKAL, HM -8<br>WARGA ASING TAK DIHALANG BELI BERAS TEMPATAN, NASIONAL, BH -7<br>EXCO MELAKA BUAT SPOT CHECK BEKALAN BERAS, NASIONAL, SH -4<br>ISU BERAS: CARA JOKOWI, NASIONAL, SH -4<br>TAMBAH BAIK SISTEM AMARAN BEKALAN MAKANAN -CFOS, NASIONAL, SH -4<br>BERHARAP TUMPUAN SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, SH -7<br>BERAS RM1 SEKAMPIT HABIS DIJUAL KURANG SETENGAH JAM, NEGARA, KOSMO -16<br>PASIR GUDANG PETTY TRADERS IN TOUGH SPOT OVER FOOD SUPPLY CRUNCH, NATION, THE STAR -1<br>WEANING FROM IMPORTED RICE, VIEWS, THE STAR -16<br>1,000 KAMPIT BERAS RM1 'LICIN' TAK SAMPAI 30 MINIT, DALAM NEGERI, UM -33<br>SUNWAY SASAR HASILKAN 150,000 KILOGRAM SAYUR SETAHUN, BISNES, SH -29<br>PENGILANG PINGGIR BERAS TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -32<br>JELEBU, KUALA PILAH, GEMAS ANTARA POTENSI BINA KILANG PADI, DALAM NEGERI, UM -32<br>KEBUN KECIL TETAPI PRODUKTIF, BERBALOI, GAYA TANI, UM -26 | LAIN-LAIN                                                       |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Segera laksanakan reformasi industri padi tangani krisis bekalan beras

● Tubuhkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bagi menjaga hal ehwal dan kepentingan pesawah berbanding Padiberas Nasional Nasional Berhad (BERNAS), syarikat 'penjaga' industri padi dan beras tempatan

● Peningkatan produktiviti pesawah adalah kunci mencapai SSL yang tinggi. Dalam aspek ini, latihan, program kesedaran dan pemantauan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan perlu ditingkatkan



Ketua Pegawai Operasi, Institut Masa Depan Malaysia

Oleh Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan  
bhrencana@bh.com.my

Malaysia kini berhadapan dengan krisis beras membimbangkan dan keadaan semakin meruncing apabila pada masa sama rakyat berhadapan kenaikan mendadak harga beras. Walaupun beberapa menteri dan ahli politik cuba mengelak daripada mengakui keadaan sebenar, rakyat sedar 'ilusi palsu' bekalan beras terkawal.

Mengikut laporan, peratusan pengeluaran beras tempatan lazimnya adalah pada paras 70 peratus. Namun hakikatnya, ia kini hanya sekitar 62 peratus. Daripada jumlah itu, kira-kira 43 peratus adalah bagi pasaran akhir atau pengguna yang dijual sebagai beras putih tempatan (BPT), selepas mengambil kira penggunaan industri, benih padi dan lain-lain.

Kedua ini menyebabkan, pasaran tempatan memerlukan beras import bagi menampung baki 57 peratus permintaan beras domestik. Hal ini diburukkan lagi dengan keputusan India melarang eksport beras menyebabkan harga beras basmathi melonjak daripada RM32 kepada RM40 setiap 5 kilogram (kg).

Melihat kepada keadaan pasaran dan data semasa, krisis beras dihadapi kini berpunca dari pada tahap sara diri (SSL) negara masih rendah dan pergantungan tinggi kepada beras import serta kekurangan kapasiti pengeluaran beras tempatan.

Selain itu juga, ketidakupayaan dalam pengurusan antara faktor penyumbang kepada permasalahan ini. Ia sekali gus menyebabkan situasi pembelian secara berlebihan atau belian panik pengguna.

SSL beras Malaysia yang rendah turut disumbangkan akibat ketidakselarasan dalam dasar berkaitan. Tahap SSL tinggi pada mulanya didasarkan sejak Rancangan Malaysia Pertama (RMK1) 1966 hingga 1970, iaitu

tu pada tahap 80 peratus. Sasaran ini meningkat kepada 87 peratus dalam RMK2 1971 - 1975 dan 92 peratus dalam RMK3 1976 hingga 1980.

Bagaimanapun, bermula RMK4 hingga RMK9, sasaran SSL dilihat semakin menurun antara 76.5 peratus kepada 71.4 peratus. Dalam RMK11 (2016 - 2020) pula, kerajaan menetapkan sasaran SSL negara pada 72 peratus. Ini menggambarkan dasar kerajaan mengenai sasaran SSL nasional tidak konsisten untuk memenuhi keperluan jangka panjang.

Pengenalan inisiatif seperti Jualan Rahmah Beras oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) diumumkan baru-baru ini dilihat bakal mengganggu kestabilan rantaian bekalan. Ini juga akan meningkatkan kos tanggungan subsidi kerajaan yang kini mencecah RM80 bilion.

## Tindakan lebih proaktif

Mendepani isu ini, kerajaan sebenarnya tiada pilihan selain perlu mengambil tindakan lebih proaktif dan perlu segera melaksanakan reformasi terhadap sektor pertanian, khususnya industri penanaman padi di negara ini.

Ketika penanaman padi seperti sudah tepu, Vietnam, Thailand dan Indonesia mengambil langkah proaktif meningkatkan produktiviti dalam penghasilan beras. Vietnam memperluaskan musim tanam padi mereka kepada tiga kali setahun. Ini membolehkan Vietnam menghasilkan lebih banyak beras setiap tahun.

Mereka mempunyai program untuk memendekkan musim penanaman padi, meningkatkan penggunaan teknologi dalam pertanian dan memberikan insentif kepada petani. Malaysia pula sudah terlalu lama bergantung kepada import beras dan kini kita merasakan impak buruk dari pada kebergantungan ini.

Kerajaan juga seharusnya memberi panduan jelas dan tenang kepada rakyat mengenai bekalan beras dan langkah wajar akan diambil untuk mengatasinya. Sokongan dan insentif kepada petani tempatan perlu digandakan untuk meningkatkan penanaman padi.

Ini termasuklah dengan memberikan sokongan modal bagi memendekkan musim penanaman padi, meningkatkan penggunaan teknologi dalam pertanian dan memberi latihan kepada petani untuk meningkatkan hasil tanaman.

Mungkin kerajaan juga perlu memubuhkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bagi menjaga hal ehwal dan kepentingan pesawah

berbanding Padiberas Nasional Nasional Berhad (BERNAS), syarikat mengambil alih peranan LPN sebagai penjaga industri padi dan beras tempatan.

Penubuhan semula LPN penting bagi memantau industri padi dan beras merentasi rantaian bekalan padi dan beras bermula dari benih padi hingga ke pasaran beras.

Penswastan industri padi dan beras wajar dipersoalkan dan dinilai semula. Adakah industri padi dan beras berjaya diperkasakan semenjak BERNAS mengambil alih sumber makanan asasi negara.

Dalam hal ini, tidak salah jika Malaysia belajar daripada Vietnam, Thailand dan Indonesia bagaimana mereka berjaya meningkatkan penghasilan beras mereka.

Memandangkan pelbagai faktor boleh dikaitkan dengan krisis ini, penting untuk kerajaan menanganinya dengan berkesan melalui pengurusan yang betul dan tadbir urus efisien bagi mengurangkan insiden kekurangan beras tempatan dan kenaikan harga beras.

Krisis beras adalah isu serius perlu ditangani dan direformasi kerajaan dengan segera. Politik dan permainan kata-kata tidak akan membantu rakyat yang sedang berdepan dengan kenaikan harga dan kekurangan bekalan.

Pengubal undang-undang perlu bergerak sekarang atau rakyat Malaysia akan terus menanggung beban krisis ini. Tidak mustahil risiko kebergantungan kepada beras import akan mengundangi lebih buruk krisis makanan dalam negara pada masa akan datang.

Perancangan jangka panjang efektif amat penting untuk memastikan rantaian bekalan makanan negara sentiasa cukup untuk keperluan semasa rakyat. Usaha melaksanakan perancangan jangka pendek atau *knee-jerk reaction* tanpa memandangi ke hadapan.

Pelbagai program proaktif dan intervensi dalam usaha membantu meningkatkan SSL beras negara mesti dilakukan. Penggunaan teknologi dan pengurusan padi terbaik perlu dijadikan contoh untuk pelaksanaan penanaman padi di tempat lain.

Peningkatan produktiviti pesawah adalah kunci mencapai SSL yang tinggi. Dalam aspek ini, latihan, program kesedaran dan pemantauan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan perlu ditingkatkan bagi kepentingan semua.

Program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan padi dan beras perlu dikembangkan, termasuk usaha mempelbagaikan lagi varieti padi berbanding sedia ada. Segala bentuk R&D perlu segera dilakukan supaya penanaman varieti padi baharu bersesuaian dengan iklim mikro.

Isu keterjaminan makanan khususnya pada masa datang perlu menjadi fokus utama kerajaan. Ketika kos sara hidup kian meningkat, sudah pasti semua pihak, terutama pengguna, merasa semakin terbeban dengan kenaikan harga beras dan barang keperluan.

Mungkin sudah sampai masanya, harga beras tempatan diletakkan di bawah senarai bekalan terkawal seperti barangan makanan dan keperluan asas lain demi kebaikan rakyat dan negara.



| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 27/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL   | 6          |

## 'Warga asing juga perlu terus diizinkan beli beras tempatan'

**Putrajaya:** "Ini soal hak asasi, warga asing perlu terus diizinkan beli beras tempatan," kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad mengingatkan semua pihak supaya tidak gopoh mengeluarkan kenyataan dan cadangan melarang penjualan beras putih tempatan (BPT) kepada warga asing.

Beliau berkata, isu ter-

babit tidak seharusnya dibangkitkan kerana ia membabitkan hak kemanusiaan.

"Bagi saya, ini soal kemanusiaan, mereka juga perlu makan dan dalam suasana begini, jangan kita gopoh (keluar cadangan) sebab kalau pekerja kita berada di luar negara dan mereka tidak dibenarkan membeli beras yang murah, kita juga akan terasa."

"Ini soal hak asasi ma-

**"Ini soal hak asasi manusia dan saya rasa, mereka perlu terus diberi izin untuk membeli beras di Malaysia, termasuk beras tempatan"**

nusia dan saya rasa, mereka perlu terus diberi izin untuk membeli beras di Malaysia, termasuk beras tempatan," katanya.

Ketua Pemuda Umno, Dr Muhammad Akmal Salleh sebelum ini dilapor memper-

tahankan cadangannya supaya melarang penjualan BPT kepada warga asing.

Jelas Dr Muhammad Akmal, cadangan itu bukan bersifat diskriminasi, sebaliknya untuk memberi keutamaan kepada rakyat

tempatan bagi mendapatkan bekalan makanan berkenaan.

Sementara itu, ditanya berkaitan gesaan Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) Datuk Jawahar Ali Taib Khan, supaya segera memperincikan prosedur operasi standard (SOP) lesen borong beras putih import (BPI) kepada pengusaha restoran, Mohamad berkata, pihaknya akan me-

ngadakan libat urus dengan pemegang taruh berkaitan.

"Kementerian akan berjumpa dan berdialog dengan mereka supaya dapat memahami (lebih lanjut) iaitu untuk pengurusan restoran dan sebagainya, mereka diberi harga borong untuk mereka mendapatkan barang import (BPI) itu dan tidak hanya tertumpu kepada beras tempatan," katanya.

### ISU KEKURANGAN BERAS

## 'Usah panik, belilah pada kadar biasa'

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**M**enteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu sekali lagi menegaskan, isu kekurangan bekalan beras yang berlaku ketika ini adalah disebabkan pembelian panik.

"Jangan buat pembelian panik, belilah pada kadar biasa. Jika selalu beli dua kampak, tetapi beli empat kampak, kita sudah mengambil hak orang lain."

"Maka berlakulah kekurangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran Malaysia Ke-25 di sini, semalam.

Pada masa sama, menurut Mohamad, semua isu berbangkit berkaitan bekalan beras akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, hari ini.

Menurut beliau, ia supaya Kabinet dapat berhubung dengan langkah menangani isu berkenaan.

"Saya nak lihat agenda (mesyuarat Kabinet terlebih dahulu), tetapi saya akan kemukakan perkara baharu yang berlaku (berkaitan isu

beras) yang saya akan sampaikan dalam Kabinet," katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Azman Mahmood dilaporkan berkata, kekurangan beras putih tempatan (BPT) dalam negara adalah disebabkan peningkatan permintaan berikutan kenaikan harga beras import.

Peningkatan harga beras putih import memberi kesan kepada industri padi dan beras negara kerana ia mendorong peningkatan



MOHAMAD (tengah) melihat konkrit kanvas ketika melawat pameran pada Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran ke-25 di Putrajaya.

permintaan pengguna kepada beras putih tempatan.

Dalam perkembangan sama, Mohamad berkata, sebarang langkah untuk memecah monopoli beras perlu dibincangkan bersama kementerian berkaitan, antaranya Kementerian Ekonomi dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini kerana, konsesi

penswastan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selaku pengimport beras sudah dilanjutkan selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.

"Kita ada perjanjian (dengan) Bernas selama 10 tahun, berdasarkan 10 perkara obligation (syarat) yang perlu dibuat oleh Bernas dan jika nak buat rombakan (pecah monopoli)

itu, mesti melalui perbincangan, membabitkan Kementerian Ekonomi, Kewangan dan juga JPM.

"Ini kerana soal beras, soal makanan adalah (isu) food security (keterjaminan makanan), ia perlu ditangani bersama dan (jika ada cadangan) nak memecahkan monopoli, itu adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian," katanya.

## Tambahan 1,100 tan metrik BPT diedar di seluruh negara



FOONG Hin (dua dari kanan) meninjau jualan beras putih tempatan di Pusat Operasi Fama Senawang

**Seremban:** Tambahan 1,100 tan metrik beras putih tempatan (BPT) akan diedar oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) ke seluruh negara, bulan ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata, pihaknya bersetuju untuk menambah bekalan BPT berkenaan kepada Fama untuk tujuan terbahit.

"Fama adalah satu daripada agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang kita gerakan untuk membekalkan

beras tempatan bagi kegunaan penduduk setempat.

"Keseluruhan 400 tan metrik yang kami peruntukkan untuk bulan ini sudah habis kita gunakan (jual), kita tambah lagi 1,100 tan metrik dan ia sudah dipersetujui."

"Bagi Fama, ia mencukupi buat masa ini," katanya kepada media.

Terdahulu, Foong Hin meninjau jualan beras di Pusat Operasi Fama Senawang, dekat Kawasan Perindustrian Senawang, di sini, semalam yang turut dihadiri Ketua Pengarah Fama Abdul Rashid Bahri.

Untuk rekod, 400 tan metrik BPT yang diperuntukkan kepada Fama untuk diedar, sudah habis terjual setakat ini.

Menurut Foong Hin, beliau turut berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan Fama, lebih-lebih lagi kaedah jualan yang dilaksanakan lebih teratur dengan tatacara yang ditetapkan.

"Untuk hari ini (semalam), saya nampak semuanya teratur bagi jualan BPT yang berlangsung di sini. Ada tatacara untuk jaga keamanan ketika membeli."

"Untuk minggu ini, keadaan semakin reda, jadi

tidak timbul isu kekecohan yang berlaku di sesetengah tempat seolah-olah BPT sudah habis stok. Ini tanggapan yang salah."

"Kita masih ada stok BPT yang selalu kita akan pastikan logistiknya akan sampai di lokasi kita perlukan," katanya.

Tinjauan Harian Metro mendapati, orang ramai mulai beratur seawal jam 7.30 pagi lagi dan sesi jualan dimulakan jam 8.30 pagi dengan setiap pembeli diberikan kupon bagi memastikan pelanggan tidak menunggu lama jika beras yang diperuntukkan sudah habis.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 27/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL   | 7          |

Oleh Redzuan Muharam  
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**"K**alau tak ada orang buat (tinjauan dan pemeriksaan), siapa nak buat sebab saya wakil rakyat.

"Niat saya nak pastikan apa dibuat di atas, dapat kepada rakyat. Sikit sama sikit, banyak sama banyak," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh. Muhamad Akmal memberi reaksi itu susulan tindakannya melakukan pemeriksaan mengejut di dua kilang beras di Melaka, kelmarin yang tular di laman sosial, semalam.

Menjelaskan perkara sebenar, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka dan Ketua Pemuda Umno itu berkata, tinjauan dan pemeriksaan di peringkat akar umbi sudah dilakukannya sejak minggu lalu.

"Saya pergi daripada peringkat bawah lagi apabila terima aduan orang cakap beras tak ada. Apabila tengok di kedai tak ada (beras), sebab itu saya sampai ke dua kilang, semalam (kelmarin) bersama wakil Kawalselia Padi dan Beras Melaka.

"Hasil pemeriksaan dijalankan, kilang pertama mematuhi (peraturan) manakala yang kedua mengadu (ada masalah). Kita dapat maklumat kilang itu terima 89 tan metrik (beras) dan akan pastikan agihan berlaku serta tahu di mana ia (beras) diagihkan.

"Kalau kerajaan sudah ditetapkan (harga beras tempatan) RM26 dan sudah

PEMERIKSAAN MENGEJUT DI DUA KILANG BERAS DI MELAKA

## Pastikan tiada lompong!



RAKAMAN video yang tular di laman sosial menunjukkan Dr Muhamad Akmal melakukan pemeriksaan di dua kilang beras di Melaka.

beri kuota kepada kilang, kena patuh walaupun ada kata tak untung, saya percaya untung walaupun minimum," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Dr Muhamad Akmal, kerajaan negeri sudah meminta kuota tambahan beras dan permohonan itu diluluskan dengan 500 tan metrik di terima sejak 16 September lalu.

Justeru, katanya, beliau mahu memastikan kuota beras diterima itu dibungkus dan diagihkan sampai ke premis.

**"Hasil pemeriksaan dijalankan, kilang pertama mematuhi (peraturan) manakala yang kedua mengadu (ada masalah). Kita dapat maklumat kilang itu terima 89 tan metrik (beras) dan akan pastikan agihan berlaku serta tahu di mana ia (beras) diagihkan"**

"Kita nak pastikan dekat kedai tak sembunyi (beras). Tak nak ada orang sembunyi beras di Melaka.

"Tengok berapa beras masuk, bungkus dan hantar ke mana. Pergi ke kedai tengok invoice, kalau 200 (kampit) dapat (beras),

(maka) 200 (kampit) mereka kena jual," katanya.

Katanya, usahanya tidak akan terhenti setakat kelmarin kerana misinya adalah memastikan semua bekalan beras diperoleh orang ramai di Melaka.

"Tak akan berakhir di si-

ni, saya nak pastikan (bekalan) sampai kepada pengguna.

"Di Melaka, kita amat tegas nak pastikan semua proses tiada lompong. Di kala ada krisis, semua pihak perlu bekerjasama baik kerajaan mahupun swasta," katanya.

Terdahulu, tular video berdurasi tiga minit 24 saat menunjukkan Dr Muhamad Akmal mengancam menarik lesen pengilang yang enggan mengeluarkan beras tempatan dengan paket dan harga ditetapkan kerajaan.

Video itu memaparkan Dr Muhamad Akmal mendesak pengilang supaya mengeluarkan beras tempatan seperti arahan kerajaan.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan lokasi kilang berkenaan, namun dipercayai di Melaka.

Sebelum ini, Dr Muhamad Akmal turut mencadangkan kerajaan menghadkan penjualan beras putih tempatan kepada warga asing berikutan kenaikan harga yang didorong oleh kekurangan bekalan di pasaran.

**Seremban:** Beras jenama Seri Menanti, keluaran pertama beras bagi Negeri Sembilan bakal menjelang pasaran pada Disember ini dan ketika ini, usaha pengeluarannya berjalan lancar.

Exco Kanan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Desa, Perlindungan dan Komoditi serta Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias (*gambur*) berkata, pengeluaran beras berkenaan membolehkan tanaman padi seluas 20.2 hektar di Terachi, Kuala Pilah.

"Ia dijangka mampu menghasilkan 90 tan beras Super Special Tempatan (SST).

## Beras Seri Menanti jengah pasaran Disember ini

"Sehingga kini, usaha itu berjalan lancar. Ia dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah serta Jabatan Pertanian Negeri Sembilan," katanya.

Beliau ditemui media selepas majlis angkat sumpah 36 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Persidangan Pertama (Khas) Penggal Ke-15 di Bangunan Dun Negeri Sembilan, semalam.

Pada masa sama, Jalaluddin yang juga Adun Pertang berkata, Jehebu, Kuala Pilah atau Gemas antara lokasi bakal dipilih kerajaan negeri untuk membina kilang memproses beras.



Menurut Jalaluddin, pembinaan kilang berkenaan dijangka dapat direalisasikan pada 2025.

Ia adalah satu daripada perancangan jangka panjang dalam memastikan keselamatan makanan penduduk terjamin.

"Kerajaan negeri komited untuk membina kilang memproses beras ini dan kertas cadangan berkaitan sedang dalam proses, saya akan angkat untuk dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) untuk di-

persetujui. "Kita juga sedang teliti lokasi sesuai bagi pembinaan kilang itu, antaranya di Jehebu, Kuala Pilah dan Gemas. Ia berbandukan kawasan pengeluaran padi yang terbanyak di Negeri Sembilan.

"Saya yakin ia boleh direalisasikan menjelang 2025," katanya.

**"Kerajaan negeri komited untuk membina kilang memproses beras ini dan kertas cadangan berkaitan sedang dalam proses, saya akan angkat untuk dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) untuk dipersetujui"**

Mengulas lanjut, Jalaluddin berkata, pihaknya akan meneliti lebih lanjut sama ada pembinaan kilang terbabit akan dibiayai kerajaan negeri atau swasta.

"Untuk makluman, beberapa syarikat swasta juga ada menyatakan kesediaan untuk bekerjasama menajayakan projek membina kilang memproses beras ini.

"Bagaimanapun, saya akan berbincang dengan Menteri Besar bagaimana untuk mengimplementasikan kilang ini, bagi membolehkan ia memberi kebaikan kepada semua pihak," katanya.

# Warga asing tak dihalang beli beras tempatan

Keputusan  
ambil kira  
soal hak asasi  
manusia

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Warga asing di negara ini tidak dihalang untuk terus membeli bekalan beras, termasuk beras tempatan atas dasar kemanusiaan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu.

Bellau berkata, kehadiran golongan itu ke negara ini untuk bekerja di dalam pelbagai sektor, termasuk pada peringkat bawah.

"Bagi saya ini soal kemanu-

siaan, mereka juga perlu makan dan dalam suasana begini jangan kita gopoh (keluar cadangan) supaya melarang penjualan beras putih tempatan kepada warga asing.

"Kalau rakyat kita berada di luar negara dan mereka tidak dibenarkan membeli beras yang murah, kita juga akan terasa. Ini soal hak asasi manusia dan saya rasa mereka perlu terus diberi izin untuk membeli beras di negara ini, termasuk beras tempatan," katanya.

Bellau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran Malaysia Ke-25 di sini, semalam.

Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhamad Akmal Salleh, dilapor mempertahankan cadangannya supaya melarang penjualan BPT kepada warga asing.

Jelasnya, cadangan itu bu-



Mohamad menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran Malaysia Ke-25 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

kan bersifat diskriminasi, sebaliknya untuk memberi keutamaan kepada rakyat tempatan mendapatkan bekalan makanan terbahit.

## Adakan libat urus

Ditanya mengenai gesaan Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, supaya segera memperincikan prosedur operasi standard (SOP) lesen borong beras putih import kepada pengusaha restoran, Mohamad berkata pihaknya akan mengadakan libat urus dengan pemegang taruh berkaitan.

"Kementerian akan berjumpa dan berdialog dengan mereka supaya dapat memahami (lebih lanjut) untuk pengurusan restoran dan sebagainya, mereka diberi harga borong untuk mendapatkan beras putih import itu dan tidak hanya tertumpu kepada beras tempatan," katanya.

KPKM sebelum ini memutuskan akan memberi lesen borong kepada pengusaha restoran bagi membolehkan mereka membeli beras putih import pada harga borong RM3.20 sekilogram daripada Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) sebagai usaha jangka pendek kerajaan mengatasi masalah kekurangan BPT susulan

pengguna kurang membeli beras putih import yang harganya meningkat.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad berkata, semua isu berbangkit berkaitan bekalan beras akan dibawa untuk dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet esok (hari ini).

Katanya, perkara itu dimaklumkan supaya Kabinet dapat berhubung dan mencari langkah menangani isu berkenaan.

"Saya nak lihat agenda (mesyuarat Kabinet terlebih dulu), tetapi saya akan kemukakan perkara baharu yang berlaku (berkaitan isu beras) yang saya akan sampaikan dalam Kabinet," katanya.

## 400 tan beras putih tempatan diedar FAMA habis terjual

**Seremban:** Sebanyak 400 tan beras putih tempatan yang diperuntukkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk diedar sudah habis terjual setakat ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, berkata pihaknya sudah bersetuju untuk menambah 1,100 tan lagi bekalan beras putih tempatan kepada agensi itu untuk diedarkan ke seluruh negara bulan ini.

"FAMA adalah satu daripada agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang kita gerakkan untuk membekalkan beras tempatan yang mencukupi bagi kegunaan penduduk setempat.

"Keseluruhan 400 tan yang diperuntukkan untuk bulan ini sudah habis dijual, kita tambah lagi 1,100 tan dan ia sudah dipersejui.

"Bagi pihak FAMA, ia mencukupi buat masa ini," katanya kepada media semalam.

Terdahulu, Foong Hin meninjau jualan beras di Pusat Operasi FAMA Senawang, dekat Ka-



Foong Hin (dua dari kanan) meninjau jualan beras putih tempatan di Pusat Operasi FAMA Senawang, Seremban, semalam.

(Foto Ahmad Hasbi/BH)

wasan Perindustrian Senawang, di sini, yang turut dihadiri Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.

Media sebelum ini melaporkan, FAMA akan meningkatkan jumlah jualan beras putih tem-

patan sebanyak dua kali ganda daripada 244 kepada 400 hingga 450 tan.

Foong Hin berkata, beliau berpuas hati dengan prestasi ditunjukkan FAMA, lebih-lebih lagi kaedah jualan yang dilak-

sanakan lebih teratur dengan tatacara yang ditetapkan.

"Untuk hari ini (semalam), saya nampak teratur bagi jualan beras putih tempatan yang berlangsung di sini.

"Ada tatacara untuk jaga ke-

amanan ketika membeli.

"Untuk minggu ini keadaan semakin reda, jadi tidak timbul isu kekecohan yang berlaku di sesetengah tempat seolah-olah beras putih tempatan habis stok. Ini tanggapan yang salah.

"Kita masih ada stok beras putih tempatan yang selalu kita akan pastikan logistiknya akan sampai di lokasi kita perlukan," katanya.

Tinjauan mendapati, orang ramai mula beratur seawal jam 7.30 pagi dan sesi jualan dimulakan jam 8.30 pagi dengan setiap pembeli diberikan kupon bagi memastikan pelanggan tidak menunggu lama jika beras yang diperuntukkan sudah habis.

Warga emas dan wanita hamil diberikan laluan khas selain kaedah pembayaran dalam talian turut disediakan untuk memudahkan pembeli.

Mengulas lanjut, Foong Hin berkata, hasil tuai padi di Kedah kini sudah mencapai 25 peratus dan kemuncaknya pada pertengahan Oktober depan yang mana ia dijangka dapat meningkatkan bekalan beras putih tempatan.

| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 27/9/2023 | KOSMO | NEGARA  | 4          |

# Kajian menyeluruh sebelum pecah monopoli beras Perlu alasan kukuh

Oleh KAMARIAH KHALIDI

**PUTRAJAYA** – Sebarang cadangan untuk memecahkan monopoli beras memerlukan alasan yang kukuh dan perbincangan bersama kementerian serta agensi berkaitan sebelum keputusan dibuat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini kerana kerajaan terikat dengan perjanjian bersama Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.

“Kalau kita nak pecahkan perjanjian ini, kena mengambil masa dan juga mesti ada alasan yang kuat untuk buat, sebab itu lah kita kena lihat secara keseluruhan.”

“Kalau nak buat rombakan mestilah melalui perbincangan yang perlu melibatkan Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri sebab beras ini soal makanan, soal ‘food security’ yang perlu ditangani bersama.”

“Oleh itu, hal nak memecahkan monopoli itu adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian dan pada masa sama soal ‘sustainable’. Bagaimanapun, dalam hal yang begitu penting ini saya yakin Kabinet boleh membuat cadangan atau perubahan dari semasa ke semasa,” katanya pada sidang akhbar selepas Persidangan Tahunan Ke-25 Persatuan Kebangsaan bagi Pengairan



**MOHAMAD** ketika melawat ruang pameran selepas Majlis Perasmian Persidangan Persatuan Kebangsaan bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (MANCID) di Putrajaya semalam.

dan Saliran Malaysia (MANCID) di sini semalam.

Kelmarin media melaporkan, Timbalan Ketua Pemuda Perikatan Nasional, Wan Ahmad Fahysal Wan Ahmad berkata, kerajaan mempunyai dua pilihan sama ada melaksanakan monopoli sepenuhnya atau mewujudkan pasaran terbuka bagi menambah bekalan beras tempatan

di pasaran.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, isu berhubung bekalan beras tempatan akan dibawa ke mesyuarat Kabinet, esok (hari ini).

“Saya nak lihat agenda (mesyuarat Kabinet) dahulu, tapi saya akan kemukakan perkara baharu yang berlaku yang saya akan sampaikan dalam Kabinet,” ujarnya.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN    | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|------------|------------|
| 27/9/2023 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1          |



# DILEMA HAPUS MONOPOLI BERAS

- Langkah memecahkan monopoli beras diyakini dapat mengurangkan harga makanan ruji itu di negara ini ekoran penambahan pembekal sekali gus dapat mewujudkan persaingan yang lebih sihat.
- Namun, usaha berkenaan memerlukan penglibatan pihak kerajaan secara langsung dalam menguatkuasakan undang-undang yang amat ketat bagi memastikan bekalan beras di pasaran tempatan sentiasa mencukupi.
- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu bagaimanapun berkata, sebarang cadangan untuk memecahkan monopoli beras perlu dibincangkan bersama Kementerian dan agensi berkaitan sebelum keputusan dibuat kerana kerajaan terikat dengan perjanjian bersama Bernas selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.

27/9/2023

SINAR

2

NASIONAL

HARIAN

# Harga turun bila pecah monopoli beras

Lesen perlu diberi kepada syarikat lain untuk wujudkan persaingan bisnes lebih sihat

SHAH ALAM

Cadangan untuk memecahkan monopoli beras mampu mewujudkan persaingan sihat sekali gus dapat menurunkan harga bahan makanan rui itu di negara ini.

Pensyarah Perbankan dan Kewangan Islam, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Mohd Faisol Ibrahim berkata, menjadi kebiasaan harga sesuatu barang akan turun selepas berlakunya penambahan pesaing.

Bagaimanapun katanya, perkara itu mungkin sukar berlaku sekiranya penawaran beras terhad atau berkurang kerana ia akan meningkatkan lagi harga.

"Dasar monopoli beras ini mungkin sudah sampai ke penghujungnya yang mana lesen perlu diberikan kepada syarikat lain bagi melahirkan satu persaingan

yang sihat antara mereka dari sudut harga, kualiti, pembungkusan dan lain-lain. Dalam erti kata lain, masyarakat mempunyai lebih banyak pilihan untuk membeli beras di pasaran dengan pelbagai tingkat harga.

"Sebagai contoh dalam industri perabangan. Sebelum ini kita hanya mempunyai syarikat Malaysia Airlines yang mana harga tiket agak mahal dan sukar untuk rakyat membeli kapal terbang ke-negeri lain."

"Tetapi dengan adanya AirAsia, maka persaingan menjadi menarik yang mana harga tiket menjadi murah dan ramai yang dapat menikmati pesawat."

katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai cadangan memecahkan monopoli beras di negara ini susulan isu kenaikan harga dan kekurangan bekalan makanan rui itu ketika ini.

Mengulas lanjut, Mohd Faisol berkata kerajaan juga perlu terlibat secara langsung sekiranya berhasrat untuk memecahkan



MOHD FAISOL



monopoli berkenaan bagi mengelak sebarang kesan tidak diinginkan susulan tindakan tersebut.

Jelanya, cadangan untuk memecahkan monopoli beras negara menjadi tindakan baik sekiranya mempunyai kerangka dan matlamat yang masih berorientasikan kepada mengemukakan bekalan mencukupi kepada masyarakat dengan harga mampu milik dan berpatutan.

"Sekiranya kerajaan bersetuju untuk membenarkan dan satu monopoli beras ini dibuka kepada pihak lain supaya harga juga perlu dilaksanakan.

Monopoli import beras negara ketika ini dipegang Paol Beras Nasional Berhad (Bernas).

Kontroversi kekurangan beras melanda Malaysia selepas Bernas menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan sejajar harga terkin berputih import di pasaran antarabangsa bermula 1 September lalu.

Menurut Bernas, faktor luaran



Penghapusan monopoli beras diyakini mampu menurunkan harga makanan rui berkenaan. - Gambar hiasan

seperti iklim yang tidak menentu dan kadar pertukaran mata wang yang lemah, secara kolektif mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global ditambah dengan kesan larangan pengeksportan beras putih ke Indonesia dan India baru-baru ini.

Susulan kenaikan harga beras putih import itu, gangguan bekalan beras tempatan juga dapat berlaku dan mengakibatkan pengguna sukar untuk mendapatkan beras di pasaran ketika ini hingga mencetuskan kemarahan ramai pihak.

## Cadangan pecah monopoli beras perlu dilihat secara menyeluruh

PUTRAJAYA—Sebarang cadangan untuk memecahkan monopoli beras perlu dibincangkan bersama Kementerian dan agensi berkaitan sebelum keputusan dibuat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini kerana kerajaan terikat dengan perjanjian bersama Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.

"Sekiranya hendak melakukan

rombakan itu, ia mestilah melalui perbincangan melibatkan Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri kerana beras ini merupakan soal keterjaminan makanan," katanya ketika sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Tahunan Pengiraan dan Saliran Kali Ke-25 di sini pada Selasa.

Menurutnya, cadangan tersebut perlu dilihat secara menyeluruh terutamanya kerana ia akan memberi kesan kepada syarikat lain yang terlibat dalam monopoli beras.

"Itu adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian dan pada masa sama soal *sustainable* (kemampanan) juga perlu diambil perhatian," katanya.

Beliau yakin kabinet akan membuat cadangan atau perubahan dari masa ke masa.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) memang memikir-

import yang begitu mendadak dan tinggi.

"Ia berlaku di seluruh dunia ya. Bukan di Malaysia sahaja," katanya. Dalam pada itu, Mohamad berkata, isu dan bekalan beras tempatan akan dibawa ke mesyuarat kabinet pada Rabu.

"Saya nak lihat agenda (mesyuarat kabinet terlebih dahulu) tapi saya akan kemukakan perkara baharu yang berlaku (berkaitan isu beras) yang saya akan sampaikan dalam kabinet," jelasnya.



MOHAMAD





# Berharap tumpuan sektor pertanian

Kerajaan negeri mahu memperkuatkan hasil pengeluaran dalam negara

JOHOR BAHRU

**S**ebilangan kerajaan negeri meluahkan harapan agar Belanjawan 2024 yang akan dibentangkan pada 13 Oktober nanti, menumpukan sektor pertanian bagi mengisni keperluan rakyat.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri Johor, Datuk Zahari Saripudin Tuan Ismail berkata, tumpuan hasil pertanian seperti buah-buahan dan sayuran dari negeri ini sebenarnya menerima permintaan termasuk dari luar negara.

"Sebenarnya kita sedang berbincang dengan jabatan-jabatan, cuma belum diputuskan di peringkat kerajaan negeri.

"Di bawah portfolio saya, ada beberapa jenis tanaman yang kita berikan tumpuan seperti nenas, durian, nangka yang mendapat permintaan dari dalam dan luar negara.

"Dari segi sayur-sayuran pula, memang hanya untuk pasaran tempatan sebab tak cukup ke luar negara kecuali Singapura," katanya kepada

Sinar Harian.

**DI NEGERI**

**SEMBILAN**, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, pihaknya telah pun menyenaraikan hasrat itu secara bertulis kepada Timbalan Menteri Kewangan, Steven Sim Chee Keong dalam Jelajah Belanjawan 2024, baru-baru ini.

"Banyak wishlist kita. Antaranya infrastruktur, pertanian dan dari segi jalan raya antara keutamaan kita.

"Setiap tahun kerajaan Persekutuan akan bagi bajet kepada kita tapi tiada keperluan merunding di Negeri Sembilan," katanya.

Sementara itu, Exco Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, keperluan terhadap aspek pembangunan dan infrastruktur merangkumi semua daerah di negeri itu telah dimasukkan dalam pelan tindakan dan diserahkan kepada kerajaan Pusat.

Bagaimanapun katanya, ia terpujang kepada Kementerian Kewangan untuk membuat justifikasi dalam menyenaraikan pen-  
dek tentang pengagihan bajet

yang akan diumumkan.

Di **KELANTAN**, bidang pertanian dikatakan mempunyai potensi yang amat besar untuk dimajukan sekali gus meningkatkan dan menyumbang lebih banyak hasil pengeluaran produk tani dalam negara.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pihaknya mengalami kekangan untuk menggerakkan projek-projek tanaman berskala besar berikutan mengalami kekurangan dari segi

kewangan.

Katanya, Kelantan juga merupakan sebuah negeri yang mempunyai banyak peluang dalam bidang pertanian yang boleh diterokai.

"Kelantan tak pernah mendapat peruntukan besar untuk pembangunan berskala komersial.

"Misalnya sebuah projek fertigasi untuk rakyat bagi penanaman terung, kerajaan negeri sediakan tapak namun masih terbatas dari segi kewangan untuk melaksanakan aspek-aspek lain.

"Lagi satu hasrat kami untuk



Tuan Mohd Saripudin menunjukkan hasil padi di negeri Kelantan.

membina kilang memproses dedak yang belum terhasil sedangkan petani di negeri ini mampu menanam dan menghasilkan bahan-bahan makanan mentah seperti jagung, sawit serta kismis," katanya.

Menurut beliau, banyak projek pertanian dengan kerjasama kerajaan pusat dirangka oleh kerajaan negeri bagi memastikan keterjaminan makanan dalam negara.

Tegasnya, sudah lebih 20 kertas kertas dibawa ke peringkat atasan sejak dua tahun lepas bagi merealisasikan projek-

projek tanaman berkenaan.

"Pelan dan perancangan sektor pertanian, industri agromakanan dan komoditi di Kelantan melibatkan pakar.

"Melalui Belanjawan 2024, kami harap ada bahagian yang banyak untuk Kelantan merencanakan lagi bidang pertanian," katanya.

Tambah beliau, Kelantan juga merealisasikan Jelapang Makanan Negara selepas mencapai pengeluaran padi dan beras melebihi 200 peratus tahap sara diri (SSL) ketika ini.

27/9/2023

NST

NEWS

4

MANY MINISTRIES INVOLVED

## 'DISCUSSIONS CRUCIAL TO END MONOPOLY'

Thorough talks a must before ending Bernas' hold on imported rice, says Mat Sabu

LUDMAN HAMPA  
PUTRAJAYA  
news@nrt.com.my

**T**he decision to end the rice import monopoly must be done after thorough discussions, accompanied by strong reasons and a clear action over breach of contract.

Minister Tan Sri Mohamad Sabu said this was because the country's current concession to

import rice had been held by hand-in-hand, he said after officiating the 25th Malaysian National Committee on Irrigation and Drainage Meet at Wisma Muzium Negara.

He said discussions to break the monopoly must be done with strong reasoning and involved the Finance Ministry, Economy Ministry as well as the Ministry of Agriculture and Food Security.

"The ongoing rice issue is a matter of food security and also stability," he said.

"Therefore, the concern of ending the (rice) monopoly should be looked into with a clear action over breach of contract."

"As I mentioned before, the Bernas matter falls under the Finance Ministry as well as other parties that we must discuss with



Tan Sri Mohamad Sabu

Mohamad said any developments on the ongoing rice supply issue would be brought up in the cabinet meeting today.

"For me this is a matter of being humane, they also need to eat and in this situation, do not be hasty," he said.

He said Malaysian shippers were subjected to the same thing, it wouldn't be right as well.

"This is a matter of human rights and I think they should continue to be permitted to buy rice from other countries, including local rice," he said.

On Sept 14, Umno Youth chief Dr Akmal Saleh had suggested that local rice, which is subsidised by the government, should only be sold to Malaysians.

Akmal said the restriction could be a temporary measure to address the shortage of local white rice in the market.

## 6.5 tonnes of rice snapped up in an hour

**KUALA TERENGGANU** More than 1,000 people queued up for more than an hour to buy local white rice at the Kuala Terengganu Farmers Organisation Authority (FAMA) office in Kuala Terengganu.

Those who arrived late were left disappointed as 6.5 metric tonnes of rice were sold out an hour after the sale began at 8am.

The buyers began queuing up for coupons that enabled them to purchase one 10kg sack of rice for RM26.

Many of them hailed from the districts of Marang, and Kuala Nerus.

Buyers began queuing up at the centre around 6.45am.

Housewife Saraya Ali, 57, from Wangsa Maju, said she had to go to the centre to buy rice as supermarkets in the district were selling imported rice only.

"I arrived at 7.30am and there was a long queue," she said.

"While we were only limited to one sack per person, we are nevertheless grateful," she said.

Another resident, Mohamad



Buyers lining up at the Kuala Terengganu Farmers Organisation Authority office in Kuala Terengganu to buy a 10kg bag of local white rice at RM26 yesterday. (M. H. Ludman Hampa)

ed that local white rice be distributed to supermarkets as well.

"I managed to get the rice after an hour and a half," he said. "But I have to wait for another hour to get a coupon, but I didn't manage to get a coupon."

"I tried my luck anyway with about 50 other people," he said.

"I was disappointed, but finally came there was no more rice," he said.

Idris Che Mad, 65, from Kampung Luar, Chendering, suggested

## Fama to get 110 more tonnes of rice to distribute

**SEREMBAN** A total of 400 metric tonnes of rice will be sold to the Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) have been sold so far.

Deputy Agriculture and Food Minister Datuk Seri Chai Chin said the ministry had agreed to sell another 110 metric tonnes of rice to the agency to be distributed nationwide this month.

Chai said the ministry had agreed to supply local rice to the people.

"The 400 metric tonnes allocated to Fama for this month have been completed and we are adding another 110 metric tonnes, which should be sufficient for Fama for now," he said.

Chai was speaking after visiting the Seremban Fama rice processing centre at the Seremban Industrial Park yesterday.

It was reported that Fama would be increasing its sale of rice to the public from 244 metric tonnes to between 400 and 450 metric tonnes.

Chai said he was satisfied with Fama's performance, with sales being conducted systematically and improved this week. There are no more issues with chaos at points of sale due to supply shortage," he said.



FOONG HIN (tiga dari kiri) melihat beras yang telah disusun untuk dijual kepada FAMA melalui outlet peruncitan di Seremban semalam.

Bagi stabilkan permintaan menerusi outlet runcit

## FAMA edar 1,100 metrik tan beras

**SEREMBAN** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) meningkatkan kapasitiedaran Beras Putih Tempatan (BPT) daripada 400 metrik tan (mt) sebulan kepada 1,100 mt bagi memenuhi keperluan rakyat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, langkah itu sebagai pelan intervensi yang dijalankan menerusi outlet peruncitan di bawah agensi berkenaan dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi membantu menstabilkan permintaan.

Menurutnya, pihaknya menyasarkan buat masa ini sekurang-kurangnya sebanyak 8,000mt BPT berada di pasaran dan pihak FAMA salah satunya

telah diamanahkan pada mulanya sekitar 400mt sebulan.

"Kita perlu beri pujian kepada FAMA 'terheret' untuk jual beras sedangkan FAMA sepatutnya berperanan untuk pemasaran produk pengeluaran pertanian."

"Selain itu, kita bukan hanya melakukan pemantauan untuk agensi di bawah kementerian sahaja, tetapi juga akan melakukan pemantauan ke pasar raya, pemborong bagi memastikan stok mencukupi bagi jualan komersial," katanya.

Bellau berkata demikian sempena tinjauan BPT di Pusat Operasi Fama Senawang, di sini semalam.

Di Negeri Sembilan sebanyak 7,000 kampak beras diedarkan

dan bakal mendapat tambahan sebanyak 6,000 kampak BPT lagi.

Foong Hin berkata, edaran jualan BPT kali ke-2 ini lebih teratur dan tiada lagi kekecohan pembelian di sesetengah tempat seperti sebelum ini.

Dalam pada itu Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, sebanyak 35 Pusat Operasi FAMA digerakkan untuk pengedaran jualan BPT itu dan pihaknya juga menyasarkan untuk memasarkan ke 416 outlet usahawan FAMA.

"Untuk di outlet baru 10 peratus kita edarkan. Kita akan gunakan outlet agro bazar yang berada di luar bandar, outlet-outlet usahawan FAMA bagi pembelian ini," katanya.

## Maqis rampas durian cuba dibawa masuk tanpa permit import

**LABUAN** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 20 biji durian selepas cuba dibawa masuk tanpa permit import yang sah.

Semua durian berkenaan dibawa masuk dari negara jiran melalui Pintu Masuk Terminal Feri Ro-Ro, Wilayah Persekutuan Labuan.

Mengikut kenyataan yang dikeluarkan Maqis semalam, durian berkenaan dibawa masuk oleh seorang penumpang dari Brunei Darussalam pada 19 September lalu.

Katanya, durian berkenaan dirampas mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan

selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya."

"Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya.

Menurutnya, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian yang masuk ke negara ini.

Katanya, tindakan ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang diimport ke negara ini bebas dari ancaman perosak.

"Ancaman termasuk penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya.



MAQIS merampas 20 biji durian selepas cuba dibawa masuk tanpa permit import dari negara jiran melalui Pintu Masuk Terminal Feri Ro-Ro, Wilayah Persekutuan Labuan.

## Beras RM1 sekampit habis dijual kurang setengah jam



ORANG ramai beratur panjang untuk membeli beras 5kg pada harga RM1 sekampit di Dewan Serbaguna Masjid Sultan Abdul Halim, Sungai Petani semalam.

**SUNGAI PETANI** - Sebanyak 1,000 kampak beras lima kilogram (kg) yang dijual pada harga RM1 sekampit di Dewan Serbaguna Masjid Sultan Abdul Halim, di sini semalam habis dalam masa setengah jam.

Jualan beras itu dilakukan oleh Yayasan Misi Rakyat bagi memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan mendapatkan bekalan makanan ruji itu pada harga termurah.

Pengasas Yayasan Misi Rakyat, Nur Ahmad Faiz Mohd. Azmi, 32, berkata, dia melakukan inisiatif itu untuk membantu semua golongan yang terjejas memperoleh beras pada harga murah.

"Saya pernah hidup susah sebelum ini, jadi saya memahami keperluan rakyat untuk mendapatkan bekalan makanan utama itu."

"Sehubungan itu, saya ambil inisiatif menganjurkan jualan murah ini dan jika diberi rezeki lagi, saya akan terus menganjurkan jualan seperti ini di Perlis, Pulau Pinang dan Langkawi selepas kali pertama diadakan di Perak, baru-baru ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, tinjauan di lokasi jualan mendapati orang ramai sudah beratur panjang seawal pukul 6.45 pagi walaupun pagar dewan hanya dibuka pada

pukul 9 pagi semalam.

Suri rumah, Roslina Husin, 40, dari Taman Ria Jaya berkata, pendekatan yang dibuat Yayasan Misi Rakyat itu sangat bermakna kepada golongan berpendapatan rendah sepertinya kerana mampu mengurangkan kos perbelanjaan.

"Program jualan beras RM1 untuk setiap kampak beras 5kg ini memang ditunggu-tunggu kerana kesukaran untuk mendapatkan beras sejak kebelakangan ini."

"Tambahan lagi kenaikan harga beras putih tempatan berkali ganda tingginya menyebabkan saya datang awal untuk membeli beras di sini," katanya.

# Pasir Gudang petty traders in tough spot over food supply crunch

By REMAR NORDIN

remar.nordin@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** Squeezed by the soaring costs of raw materials and the need to keep prices low for their equally cash-strapped customers, petty traders here fear they cannot sustain their business.

They want the government to intervene to stabilise prices and supplies, and to ensure there is no hoarding of food by either consumers or retailers.

Burger seller Mohd Rizial Mohd Hassan embodies the problems faced by micro-businesses in this port town as he shared how the ingredients needed have gone up by at least RM10 each.

This includes the buns, meat patties, chilli sauce, mayonnaise and plastic bags used to wrap the burgers, the 39-year-old said.

"We cannot increase the price

because we will lose customers. The price for one burger is now about the same as a plate of fried rice.

"So people would opt to eat rice rather than a burger. Most of our customers are from B40, so if we increase the price, we risk losing customers. But if we don't, our business will suffer," he said.

Rizial's predicament is shared by Taman Scientex Petty Traders Association chairman Mohd Redzuan Arif, who runs a kuih penyaram stall.

Mohd Redzuan said his cost is a minimum RM250 per day but his returns are RM300 on average.

"On a good day, I can get RM350, but that is still not enough to feed my family. There are days where I have to limit what I spend," he said, adding that his family's daily necessities are around RM60.

The father of four urged the government to organise more

Jualan Rahmah initiatives in Pasir Gudang as the majority of the people here are B40 families.

"Our main concern is the high price and the limited quantity that we are allowed to buy. We have to travel around town to get enough items to run our business," said the 48-year-old.

"This is an additional cost for us. Pasir Gudang has a cooking oil and sugar factory, so there should not be an issue purchasing such items.

"What the government needs to do right now is to act against retailers who are hoarding items."

Problems with Pasir Gudang's supply of basic goods came to light last weekend via a statement by Pasir Gudang MP Hassan Karim, who claimed that certain parts of the constituency had run out of certain food items.

Permas assemblyman Baharudin Mohamed Taib said

BRAJ initiative to include rice which we will sell at a discount."

Currently, BRAJ discounts are only offered for chicken, eggs, cooking oil and fish.

Johor Paddy and Rice Regulation director Mohd Alieff Sabeh said the supply of local white rice is expected to stabilise within a month.

"The Agriculture and Food Security Ministry has started the Local White Rice Special Programme nationwide, so we hope the situation will stabilise."

"We received around 10 complaints per day from the public who want to know where they can get local white rice and this has been dealt with immediately."

"Checks are also being carried out on claims involving supermarkets said to be keeping local rice from the public but so far, we have not found any violations," he said.

one of the main factors behind the supply crunch is the town's high population density, which drives up demand.

"The high demand is for the subsidised items, which is why some items are sold in limited quantities. The supply is there but the government should come up with a long-term solution to meet future demand," he said.

Johor agriculture, agro-based industries and rural committee chairman Datuk Zahari Sarip said one measure is for the state government to include rice as one of its items at the Bazar Rakyat Agro Johor (BRAJ) programme.

"There will be a meeting between the Federal Agricultural Marketing Authority and the Mentri Besar on the current situation of daily necessities in the state," said Zahari.

"One of the solutions we will propose is the expansion of the

# Weaning from imported rice

THE global price of rice has soared to a 15-year high after India, which accounts for 40% of the world's rice trade, banned exports in July.

The decision has affected half of the world's eight billion people who eat rice as their staple food.

Last week, Alvaro Lario, head of the UN's International Fund for Agricultural Development, warned that India's export ban had raised the risk of political instability in Asia and Africa.

He told Bloomberg that the decision could bring about potential conflict or social unrest, which could be quite dangerous.

"Export bans have a lot of impact, especially on the most vulnerable, by raising prices and having a shock on prices," he was quoted as saying.

India's Directorate of Foreign Trade announced the ban on exports of non-basmati white rice on July 20 to ensure adequate supply of white rice for its domestic consumers, and to stem the rise in price, which had increased by 11.5% since last year.

The announcement could not have come at a worse time for global food security.

Three days earlier, Russia had pulled out of the Black Sea Grain Initiative brokered by the UN and Turkey in July 2022.

Under the deal between Russia and Ukraine, which have been at war for the past 20 months, ships carrying food grains were given safe passage from three Ukrainian ports - Odessa, Yuzhny and Chornomorsk.

In return, the UN agreed to help Russia get its food and fertiliser exports to foreign markets.

Ships were inspected by



M. VEERA  
PANDIYAN

## Along the watchtower

Russian, Ukrainian and Turkish officials before they arrived in Ukraine to ensure they were not smuggling weapons into Ukraine.

With the pullout, Russia also withdrew its safe navigation guarantees in the Black Sea. It justified the decision by saying that the purported supply of grain to countries in need, especially in Africa, had ended up in rich nations instead.

Russia also blamed Ukrainian provocations and attacks against Russian civilian and military facilities in the Black Sea, adding that the UN and the Western countries had turned a deaf ear to these incidents.

Both these major events have led to the skyrocketing of food prices worldwide.

In Malaysia, India's ban on white rice exports led to Padiberas Nasional Bhd (Bernas), which holds the monopoly on rice imports, increasing prices to RM3,200 per metric tonne from the previous RM2,350 - a

36% hike.

As for white rice from Thailand and Vietnam, it was priced at RM2,901.91 per metric tonne. The price of fragrant rice from these countries was also adjusted to RM3,725.68 and RM3,369.96, respectively.

The higher prices led to local consumers scrambling for locally milled white rice, resulting in shortages in many places around the country.

It has also become a hot political issue, as seen during the debate on the 12th Malaysia Plan mid-term review in the recent sitting of the Dewan Rakyat.

To score political points, Kedah Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor blamed a "cartel" for the problem, stating that padi farmers remained poor because "cartel" controlled the sector.

With Bernas accounting for 30% of rice imports, he may be partially right. The reality is Malaysia's self-sufficiency level (SSL) is now only at 65%. It used to be closer to 70% before the Covid-19 pandemic.

Malaysia remains heavily reliant on imports to meet local demand, and among the immediate solutions proffered by the government is to negotiate with India to release export restrictions to Malaysia.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said on Monday that he hoped to hold a meeting with India's Agriculture and Farmers'

Welfare Minister as soon as possible.

Last Thursday, I was invited to attend the 40th anniversary of PKS Fertilisers Sdn Bhd a company which has won five Star Outstanding Business Awards (SOBA) since 2016 for achievements in innovative technologies for agriculture.

The company, which started out as a supplier of specialised fertilisers for oil palm, has expanded into soil repair and foliar technologies for rice production.

Among those whom I was fortunate to meet at the event was Prof Dr Muhammad Shahrin Mispan of Universiti Malaya's Institute of Biological Sciences.

A rice expert, he told me Malaysia's continued reliance on imports exposed the country to the risk of a potential food crisis. He said it was vital for the country to act quickly towards striving for 100% SSL in rice supply.

"It is not an unrealistic target. To achieve this, the government needs to adopt two key strategies - improved rice management and increased productivity of farmers."

"There needs to be more efficient management of the country's granaries and optimum use of land for padi cultivation," he said, adding that currently, about 10% of the padi land is not fully cultivated.

Shahrin said steps must be taken to ensure all padi fields are utilised throughout the year to

increase the overall rice yield, giving the success of farmers in Sekinchan, Selangor, as an example and a model to follow.

He said the Agriculture and Food Security Ministry's use of technology and management should be expanded throughout the country.

The expert also proposed the consolidation of smaller padi fields with targeted assistance to farmers to standardise planting management, control input costs and enable better monitoring of typical fields that are mostly owned by ageing farmers with few workers.

"Increasing the productivity of farmers is the key to achieving higher SSL rates. We can raise the yield from the current four tonnes per acre to eight, or at least six."

"Farmers should be given more comprehensive training, and awareness programmes and closer monitoring," he said.

Among his other proposed strategies to increase yields is to use the System of Rice Intensification (SRI) method by changing the management of seeds, soil, water and nutrients.

The introduction of premium rice varieties would also help farmers diversify and increase their incomes, he said.

Media consultant M. Veera

Pandiyan likes this Japanese proverb: "In a grain of rice, the universe resides." The views expressed here are the writer's own.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 27/9/2023 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 33         |

## 1,000 kampil beras RM1 'licin' tak sampai 30 minit

**SUNGAI PETANI:** Jualan beras RM1 yang dilaksanakan oleh Yayasan Misi Rakyat di Dewan Serbaguna Masjid Sultan Abdul Halim di sini pagi semalam mendapat sambutan hangat apabila 1,000 kampil beras lima kilogram (kg) habis terjual dalam masa tidak sampai setengah jam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, walaupun pintu pagar dewan hanya dibuka pada pukul 9 pagi, namun, orang ramai dilihat mula berpusu-pusu dan beratur panjang seawal pukul 6.45 pagi untuk mendapatkan bekalan makanan ruji itu.

Suri rumah, Roslina Husin, 40, dari Taman Ria Jaya berkata, pendekatan yang dibuat Yayasan Misi Rakyat sangat bermakna kepada golongan berpendapatan rendah seperti ini kerana mampu mengurangkan kos perbelanjaan.

"Program jualan beras RM1 untuk setiap kampil beras lima kg ini memang ditunggu ker-

ana kesukaran untuk mendapatkannya sejak kebelakangan ini.

"Tambahan lagi kenaikan harga beras berkali ganda tingginya menyebabkan saya datang awal untuk membeli beras di sini," katanya ketika ditemui, semalam.

Seorang pekerja swasta, Hashim Talib, 45, dari Taman Bakar Arang berkata, dia antara orang terawal yang datang untuk mendapatkan bekalan itu.

"Saya berada di pintu pagar dewan ini sejak pukul 6.45 pagi dan berjaya memperoleh beras itu dua jam kemudian.

"Syukur kerana jualan beras ini amat bermakna bagi kami yang berpendapatan rendah ditambah pula dengan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang," katanya.

Bagi Ghazali Othman, 71, dari Batu Dua berkata, jualan beras seperti ini perlu diteruskan pada masa hadapan oleh pihak-pihak yang prihatin atau kerajaan sendiri.



**ORANG** ramai membeli beras lima kilogram dengan harga RM1 yang dijual oleh Yayasan Misi Rakyat di Dewan Serbaguna, Masjid Sultan Abdul Halim di Sungai Petani, semalam.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 27/9/2023 | SINAR HARIAN | BISNES  | 29         |

## Sunway sasar hasilkan 150,000 kilogram sayur setahun

FOTO: LAMAN WEB SUNWAY

**IPOH** - Sunway Group giat menangani keterjaminan makanan menerusi ladang organik seluas lapan hektar di Sunway City di sini, dengan sasaran mengeluarkan sekurang-kurangnya 150,000 kilogram sayur-sayuran setahun menjelang 2030.

Pengasas dan Pengerusi Sunway, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah berkata, Sunway Organic Farm mengeluarkan buah-buahan dan sayur-sayuran bebas bahan kimia serta racun perosak dengan air diperoleh dari pergunungan dan sumber mata air semula jadi.

Menurutnya, Sunway menerusi unit agrotek, Sunway XFarms turut menguruskan ladang vertikal dalam bangunan terbesar di Kuala Lumpur.

"Ladang urban ini membekalkan lebih 13,000 kilogram sayur-sayuran segar setiap bulan ke komuniti bandar berhampiran," katanya semasa menyampaikan ucapan pada majlis minum petang Pertubuhan Rakan Komuniti Pendidikan Negeri Perak di sini.

Beliau berkata, inisiatif oleh Sunway adalah untuk mentransformasikan industri pertanian di Malaysia menjadi sektor berintensifkan pengetahuan dengan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat.

Tambahnya, Sunway juga



**Ladang Sunway Organic Farm di Ipoh.**

menggunakan model Sunway City Kuala Lumpur di perbandaran lain di negara ini dan salah satunya di Iskandar Puteri, Johor.

"Di Sunway City Iskandar Puteri, kami sedang membangunkan Nature's Capital City. Sunway juga merancang membuka resort lima bintang Banjaran Mangrove di hutan kayu bakau sepanjang Sungai Pendas.

"Turut disediakan ialah litar motosikal pelbagai guna dan merangkumi trek lumba kelas dunia sepanjang 4.5 kilometer yang akan

menjadikan Sunway City Iskandar Puteri sebagai hab permotoran di rantau ini," katanya.

Selain itu, menurutnya, terdapat juga taman equestrian yang menempatkan sehingga 600 kuda, lengkap kemudahan sokongan seperti klinik dan spa kuda.

"Memandangkan bandar itu hanya lima minit pemanduan dari Laluan Kedua Malaysia-Singapura, terdapat potensi besar untuk kesan limpahan ekonomi yang bermakna untuk Johor dan Malaysia," kata beliau. - *Bernama*

27/9/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32

# Pengilang pinggir beras tempatan

Oleh HADI AB MANAP  
hadi.manap@medianusa.com.my

**MELAKA:** Isu kekurangan beras tempatan dan kenaikan harga beras import di pasaran bertambah kritikal apabila terdapat segelintir pengilang tidak bertanggungjawab enggan memproses beras tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Muhammad Akmal Saleh mengatakan, situasi itu turut berlaku di negeri ini yang mana pengilang terlibat memberikan alasan mereka menanggung kerugian.

Beliau berkata, alasan itu tidak munasabah dan dilihat seolah-olah mahu mengambil kesempatan di atas tekanan yang dihadapi rakyat, sedangkan bekalan beras tempatan disalurkan untuk diproses dan diedarkan kepada pengguna.

"Kita lakukan pemeriksaan di dua buah kilang baru-baru ini, satu kilang ikut prosedur ditetapkan manakala satu lagi kilang tidak mahu proses beras tempatan dengan alasan menanggung kerugian.

"Saya sanggah alasan itu bukan rugi, cuma keuntungan beras tempatan ini sedikit berbanding kalau mereka proses dan pasarkan beras import yang harganya tidak dikawal kerajaan.



**Kita lakukan pemeriksaan di dua buah kilang baru-baru ini, satu kilang ikut prosedur ditetapkan manakala satu lagi kilang tidak mahu proses beras tempatan dengan alasan menanggung kerugian."**

**MUHAMMAD AKMAL SALEH**

Ini semua alasan, kita boleh ambil tindakan batalkan lesen mereka dan berikan kepada kilang yang mahu membungkus beras tempatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, jurang harga begitu ketara antara beras tempatan dengan beras import menyebabkan segelintir pembekal dan peruncit tidak berminat memasarkan makanan ruji berkenaan sehingga mencetuskan kekurangan bekalan yang sedang dialami di seluruh negara.

## Jelebu, Kuala Pilah, Gemas antara potensi bina kilang padi

**SEREMBAN:** Negeri Sembilan sedang meneliti beberapa kawasan yang difikirkan sesuai bagi membina kilang memproses padi dan pengeluaran beras seperti yang dirancang sebelum ini.

Exco Kanan Kerajaan Negeri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, antara kawasan yang dilihat sesuai adalah di Jeलेbu, Kuala Pilah dan Gemas di Tampin.

Beliau berkata, kilang tersebut dijangka dibina dan dapat beroperasi selewat-latestnya 2025 dan dilihat sebagai satu langkah tempoh jangka masa panjang bagi memastikan bekalan beras mencukupi bagi keperluan rakyat di negeri ini pada masa akan datang.

"Perbincangan sudah dimulakan dan kertas kerja dalam proses untuk disiapkan dan saya bawa ke dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri untuk dipersetujui.

"Kami sedang teliti sekarang dan kenal pasti lokasi dan tempatan yang sesuai untuk dibina, berkemungkinan di Jelebu, Kuala Pilah dan Gemas kerana ia kawasan pengeluaran padi terbesar di Negeri Sembilan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pertang berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Persidangan Pertama (Khas) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri



**JALALUDDIN** Alias ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Persidangan Pertama (Khas) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban, semalam.

Sembilan Yang Ke-15 di sini semalam.

Jalaluddin sebelum ini memberitahu, Negeri Sembilan perlu mempunyai kilang pengeluaran beras sendiri sebagai salah satu rancangan jangka masa panjang menangani isu kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran.

Susulan itu, *Utusan Malaysia* melaporkan kenyataan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Hisham Yacob yang berpandangan, mengambil kira keluasan tanaman padi di negeri ini dalam sekitar hanya 1,000 sehingga 1,200 hektar, memadai kilang-kilang memproses padi dan pengeluaran beras itu diwujudkan.

judkan dengan saiz dan skala yang kecil.

Sementara itu, Jalaluddin memberitahu, kerajaan negeri akan meneliti kaedah untuk melaksanakan projek berkenaan supaya ia dapat menjadi realiti termasuk kemungkinannya turut melibatkan pihak swasta.

"Kerajaan negeri termasuk menteri besar akan meneliti bagaimana untuk melaksanakan rancangan ini termasuk melihat kerjasama pihak swasta, kami ada menerima kertas kerja daripada pihak swasta untuk terlibat dalam program ini dan bagaimana keputusan akan diputuskan oleh kerajaan," katanya.

## Belanja bulanan meningkat ekoran beras import mahal

**Kuala Lumpur:** Masalah kesukaran mendapatkan beras putih tempatan susulan kenaikan harga beras putih membuatkan orang ramai terutama golongan B40 terus terkesan jika isu berkenaan gagal diselesaikan.

Pengasuh kanak-kanak, Norlyza Nurja'aili, 47, berkata, kesukaran mendapatkan beras tempatan meningkatkan perbelanjaan bulannya di samping tiada pilihan lain.

"Beras makanan ruji se-



**Beras makanan ruji setiap hari, apabila berlaku sesuatu pada harganya mahupun stok beras maka kesannya sangat dirasai"**

Norlyza

tiap hari, apabila berlaku sesuatu pada harganya mahupun stok beras maka

kesannya sangat dirasai.

"Saya amat terkesan apabila sukar mendapatkan beras tempatan pada masa kini, oleh itu saya beli beras putih import walaupun harganya sangat mahal.

"Saya tiada pilihan melainkan membeli beras import bagi menampung keperluan harian," katanya.

Katanya, dia memperuntukkan 20 kilogram (kg) beras sebulan untuk menampung keperluan enam tanggungan.

Suri rumah yang mahu dikenali sebagai Imah, 50, berkata, beras putih tempatan masih boleh diperolehi di kawasan rumahnya.

"Saya biasa guna beras tempatan dan setakat ini ia masih ada, tetapi terhad.

"Sebelum ini, perbelanjaan bulanan untuk beras 5kg adalah RM13, namun sejak kebelakangan ini bajet (membeli beras) meningkat RM21. Sekiranya beras tempatan tiada stok,



**Sebelum ini, perbelanjaan bulanan untuk beras 5kg adalah RM13, namun sejak kebelakangan ini bajet (membeli beras) meningkat RM21"**

Imah

mahu atau tidak saya terpaksa beli (beras import) juga," katanya.

Pesara, Noreha Nawi, 57, berkata, beras tempatan di beberapa kedai dan pasar raya cepat habis.

"Memandangkan stok beras tempatan terhad, maka kami beli beras import dengan harga mahal.

"Kebiasaannya saya guna dalam 20kg beras untuk sebulan. Saya risau sekiranya berlaku kenaikan harga mendadak pada barang keperluan lain dan akhirnya menyukarkan kami yang berpendapatan rendah ini," katanya.

Oleh Baharom Bakar  
am@hmetro.com.my

### Kuala Terengganu

Kira-kira 1,000 penduduk berbaris satu jam untuk membeli beras tempatan 10 kilogram yang dijual pada harga RM26 sekampit di pusat jualan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kuala Terengganu di Kampung Bukit Bayas di sini, semalam.

Tinjauan mendapati penduduk termasuk dari daerah Marang dan Kuala Nerus beratur panjang demi mendapatkan kupon pembelian beras.

Walaupun penjualan beras oleh LPP bermula jam 8 pagi, penduduk mula menyerbu pusat jualan itu seawal jam 6.45 pagi.

Ada antara penduduk yang terlambat pulang hampa apabila beras berjumlah 6.5 tan metrik habis dijual dalam tempoh sejam.

Suri rumah, Suraya Ali, 57, dari Wakaf Tapii, Marang berkata, dia ke pusat jualan itu untuk membeli beras tempatan selepas beberapa pasar raya di daerah berkenaan hanya menjual beras import.

"Saya dapati orang ramai mula beratur panjang untuk mendapatkan kupon pembelian beras apabila saya tiba di pusat jualan pada jam 7.30 pagi.

"Walaupun dibenarkan membeli satu kampil beras 10 kilogram, saya bersyukur kerana memperoleh bekalan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Idris Che Mad, 65, dari Kampung Laut, Chendering mencadangkan agar beras tempatan turut didedahkan ke pasar raya dan dijual secara menyeluruh.

"Walaupun saya memperoleh bekalan beras tempatan selepas hampir 20 minit beratur, tetapi penjualan bahan itu harus dijual menyeluruh dan bukan hanya di pusat jualan LPP,"



SEBAHAGIAN penduduk beratur untuk membeli beras tempatan di pusat jualan LPP di Bukit Bayas. FOTO NSTP/BAHAROM BAKAR.

## Sampai lambat pulang hampa

**1,000 penduduk berbaris panjang demi beli beras RM26 sekampit dijual LPP Bukit Bayas**



MUHAMAD Nazri (kanan) memantau penjualan beras tempatan di pusat jualan LPP Bukit Bayas.

katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Besar Perniagaan Tani Pertubuhan Peladang Kuala Terengganu Muhammad Nazri Zali berkata, pihaknya menerima 6.5 tan

metrik bekalan beras tempatan itu, kelmarin.

Menurutnya, penjualan beras tempatan secara terus kepada penduduk diadakan lagi jika pihaknya memperoleh bekalan.

"Kita tidak boleh janji tarikh jualan akan datang, jika terima bekalan kita maklumkan kepada orang ramai melalui laman sosial termasuk Facebook," katanya.

### PENIAGA RESTORAN BELI BERAS IMPORT HARGA BORONG

## 'Sekadar solusi jangka pendek'

**Kuala Lumpur:** Keputusan kerajaan membenarkan pengusaha membeli beras putih import pada harga borong mengurangkan kos perbelanjaan pengguna yang makan di luar.

Namun Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abd Latiff berkata, langkah itu hanya penyelesaian bersifat sementara.

"Saya setuju keputusan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ini sebagai antara penyelesaian jangka pendek dan meringankan beban pelanggan yang makan di restoran.

"Cuma kita khuatiri jika penguatkuasaan kurang, ada pengusaha jual makanan mahal padahal dia beli beras dengan harga borong sebab pelanggan pun tak tahu pengusaha itu beli pada harga tinggi atau borong.

"Kerajaan perlu pastikan pengusaha restoran tidak ambil kesempatan dengan

menganakan harga makanan lebih tinggi kerana mereka beli beras import dengan harga borong," katanya.

Beliau mengulas pengumuman KPKM memberikan lesen borong kepada pengusaha restoran supaya mereka boleh membeli beras putih import pada harga RM3.20 sekilogram daripada Padiberas Nasional Bhd (Bernas).

Dari aspek lain katanya, kaedah itu tidak boleh dilakukan dalam jangka masa panjang berikutan ia membebaskan perbelanjaan negara.

"Dengan melaksanakan cara ini, Bernas perolehi keuntungan sangat minimum. Justeru, untuk jangka panjang memang tidak sesuai kerana meningkatkan perbelanjaan kerajaan.

"Apa pun sepatutnya memang perlu ada penyelesaian lain terutama dalam memastikan pengedaran beras tempatan dapat diperingkatkan," katanya.

**"Dengan cara ini, Bernas perolehi keuntungan sangat minimum. Justeru, untuk jangka panjang memang tidak sesuai kerana meningkatkan perbelanjaan kerajaan"**



# Kebun kecil tetapi produktif, berbaloi

Oleh INTAN SUHANA  
CHEOMAR

**S**EKARANG ini ramai yang mempunyai hobi meminum, terutamanya sayur-sayuran atau herba yang menjadi kegunaan harian. Sayangnya, bukan semua orang boleh meraliskan hobi mereka itu, lebih-lebih lagi yang tinggal di kawasan atau rumah bertingkat di kawasan bandar.

Namun, dengan pelbagai penciptaan baharu, kebun bandar sudah boleh menjadi salah satu hobi penduduk bandar.

**Timbalan Pengarah**  
Bahagian Pertanian Bandar  
Jabatan Pertanian Malaysia,  
Juliana Megat berkata,  
penciptaan Kebun Kekunci  
Grid (KKG) membolehkan  
sesiapa sahaja menanam  
pelbagai jenis sayur walaupun  
di koridor rumah.

KKG yang dibangunkan oleh kumpulannya yang dikenali sebagai *Greenovator* ialah kaedah membina kebun sayur pada skala kecil yang produktif dan berintensif. Ia bakaikan satu medium tanah yang besar dileetakkan di dalam kotak yang diperbuat daripada kayu palet dan kemudiannya dibalut dengan beberapa nipak.

Setiap petak boleh ditanam  
sebagai jenis sayur-sayuran  
sama ada sayuran berdaun  
atau berbuah seperti terung,  
labu, kentang dan tomato.

Tidak ketinggalan,  
daun herba yang menjadi  
pelengkap masakan seperti  
daun pandan dan serai.

"Konsep asas adalah  
membina *raised bed* (RB)

berukuran 4 kaki x 3 kaki dan

[illegible]

yang sama.  
Pembagian satu pasu kepada beberapa petak membolehkan pelbagai tanaman keperluan ditanam serentak dalam satu medium yang sama.

"Penanaman intensif karena pelbagai jenis tanaman ditanam di atasnya, jadi ia mempunyai ruang kecil, jadi ia sesuai untuk tukang kebun yang mempunyai ruang terhad."

20 peratus ruang untuk menanam, 15 peratus penggunaan air, 10 peratus penggunaan tenaga kerja dan 5 peratus biji benih, namun menghasilkan 100 peratus hasil tuai", tambahnya.

Kaedah inovasi itu turut mampu mengurangkan rumput dan perosak. "Jika RB dibina dengan betul dan media tanaman yang subur, tiada rumput dan haiwan perosak dengan pemantauan berkala. "Pemilik tidak perlu menggali kerana kaedah ini mengamalkan konsep *No-Dig Farming* selalunya tanah

"Penyediaannya juga cepat dan pantas dengan RB yang dipasang dengan roda untuk memudahkan ia diletakkan di mana-mana sahaja" katanya.

GELLING w/ro untuk diijid dengan sja makanan, dajur dan sja tanaman. - IJTISAN/FAIZI RAHABIJIN

dibahagikan kepada grid segi empat sama 1 kaki.

"Ditengah pula diletakkan gelung wire mesh berukuran 2 inci x 1 inci setinggi 3 kaki untuk diisi dengan sisa makanan, dapur dan sisa tanaman," katanya kepada Utusan Malaysia.

Gelung  
tersebut  
berfungsi  
sebagai  
medium



**PENCIPTAAN**  
Kebun Kunci  
Grid (KKG)  
membolehkan  
sesiapa sahaja  
menanam  
pelbagai jenis  
sayur walaupun  
di koridor rumah.

**JULIANA** Megat menunjukkan sayur sawi hasil penanaman KKG.



"Boleh letak sisa makanan atau sisa tanaman dan ditutup dengan guni. Kacau setiap dua hari sehingga terurai."

"Masa untuk terurai sepenuhnya kira-kira sebulan sebelum ia menjadi baja kompos yang menyuburkan tanaman," katanya.

**HASIL TINGGI**  
Kebun bandar alaf baharu ini juga menawarkan hasil tinggi memandangkan ia boleh dijadikan medium penanaman pelbagai jenis.

sayuran dan herba pada masa